

05/11/1998

Negara perlu ada agensi penarafan bertaraf dunia

SUDAH tiba masanya bagi Malaysia serta negara rantau ini untuk mempunyai agensi penarafan bertaraf dunia bagi menyaingi agensi penarafan antarabangsa yang dikawal Barat yang kredibilitinya boleh dipersoalkan.

Pakar penarafan tempatan dan ahli ekonomi berpendapat, agak sukar bagi mengawal selia agensi penarafan antarabangsa, seperti juga sukarnya untuk merangka kawal selia perdagangan mata wang, kerana kebanyakannya dikawal Amerika Syarikat.

Ketua Eksekutif Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd, Dr Ghazali Atan, berkata apa yang dilakukan agensi penarafan antarabangsa selama ini seperti menurunkan penarafan sesebuah negara, termasuk Malaysia adalah semata-mata berdasarkan penghakiman mereka sendiri.

"Kewibawaan mereka memang dipersoalkan dan mereka menggunakan pertimbangan sendiri dalam membuat keputusan penarafan. Dalam keadaan seperti ini, sukar untuk mengawal selia agensi penarafan kerana ia juga dikawal kuasa besar.

"Cara terbaik ialah bagi kita untuk mewujudkan agensi penarafan kita sendiri bagi rantau ini dan dipopularkan, tanpa bergantung kepada agensi penarafan Barat itu," katanya kepada Berita Harian.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tidak menolak kemungkinan wujud pakatan sulit dalam tindakan agensi penarafan antarabangsa menurunkan penarafan sesebuah negara, mahukan aktiviti penarafan dikawal selia.

Menurut Perdana Menteri, tindakan agensi penarafan antarabangsa banyak menyebabkan kerosakan kepada ekonomi sesebuah negara dan ia sepatutnya membuat penarafan atas permintaan bagi mempermudah urusan penentuan jual-beli sesebuah syarikat atau pembiayaan bank.

Moody's Investors dan Standard & Poor sebelum ini menurunkan penarafan kedaulatan Malaysia kepada BBB - yang menyukarkan negara membuat pinjaman asing dan terdedah kepada kadar faedah terlalu tinggi.

Berikutan itu, usaha Malaysia untuk mendapatkan pinjaman asing termasuk melalui terbitan bon bagi mendapat sumber untuk Pengurusan Danaharta Bhd (Danaharta) dan Danamodal Nasional Bhd (Danamodal) terpaksa dibatalkan.

Selain dua agensi itu, ada beberapa lagi agensi penarafan antarabangsa termasuk Duff & Phelps, DCR, Fitch IBCA dan Thomson Bankwatch Inc. Di Malaysia, ada dua agensi penarafan iaitu Rating Agency Malaysia Bhd (RAM) dan Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC).

Pengurus ekonomi dan penyelidikan pasaran RAM, Dr Yeah Kim Leng, pula berkata memang sukar untuk mengawal selia agensi penarafan antarabangsa yang sudah berada di pasaran sejak 90 tahun lalu walaupun kewibawaan mereka dipersoalkan.

Katanya, agensi penarafan antarabangsa biasanya menjalankan kegiatan penarafan melalui pasukan mengandungi dua tiga orang anggota untuk mengumpulkan segala data serta maklumat mengenai sosial, politik dan ekonomi sesebuah negara.

"Biasanya mereka akan mengatur pertemuan dengan pemimpin utama kerajaan dan sektor swasta bagi mendapat maklumat terkini. Kemudian mereka membuat laporan berdasarkan penilaian jawatankuasa dalaman agensi itu sendiri. Biasanya proses penilaian itu mengambil masa di antara beberapa minggu hingga berbulan.

"Jika berlaku peristiwa penting, mereka juga boleh bertindak serta-merta untuk menurunkan penarafan sesebuah negara dan menyiarkan laporan

penarafan tanpa merujuk kepada sesiapa. Penarafan ini berterusan," katanya.

Seorang lagi perunding penilai mengenai penarafan pula berkata, usaha untuk mengawal selia agensi penarafan antarabangsa memerlukan tindakan menyeluruh semua negara.

Katanya, dengan persetujuan serta kesepakatan seumpama itu akan boleh merangka pelbagai peraturan seperti meminta agensi penarafan melakukan penarafan atas permintaan saja, bukan sesuka hati mereka pergi ke merata tempat seperti sekarang dan menurunkan penarafan sesebuah negara.

"Malah, agensi ini juga boleh diwajibkan supaya mendedahkan apa kriteria dan kaedah penarafan yang mereka lakukan untuk lebih telus. Apakah mereka akan berbuat demikian sedangkan mereka lebih berbentuk badan bebas?

"Di Amerika Syarikat sendiri, semua agensi penarafan perlu berdaftar dan mendapat akreditasi daripada satu lembaga yang dikawal kerajaan. Maknanya, mereka sudah dikawal selia dari segi kewujudan berdasarkan kriteria yang meluluskan penubuhannya," katanya.

(END)